

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' ROSOL BIN WAHID**

**TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN  
HAL EHWAL PENGGUNA**

*Untuk:*

**MAJLIS PERASMIAN BILIK PAMERAN NWP ACCESS**

*Tarikh:*

**1 APRIL 2021 (KHAMIS)**

*Lokasi:*

**SEKSYEN 51A, 46100 PETALING JAYA, SELANGOR**

---

Terima kasih saudara/saudari pengerusi majlis.

**Yang Berbahagia Dato' Sri Nelson Kee**

Ketua Pegawai Eksekutif NWP Holdings Berhad,

**Yang Berbahagia Dato' Husain @ Rizal bin A.**

**Rahman**

Pengarah Urusan TFP Solutions Berhad

**Encik Sofiyan Yahya**

Pengerusi Kumpulan Ni Hsin,

**Encik Khong Kok Loong**

Ketua Pegawai Eksekutif IOU Pay (Asia) Sdn Bhd

**Yang Berusaha Dr Ammar Hassan**

Pengerusi Yayasan Keusahawanan Social

Para Ahli Lembaga Pengarah serta Pengurusan NWP  
Access Sdn. Bhd.

Hadirin-hadirat dan rakan-rakan media yang dihormati  
sekalian.

Assalamualaikum WBTH, Salam Sejahtera dan Selamat  
Pagi.

- 1) Pertama sekali, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak NWP Access Sdn Bhd kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan pembukaan bilik pameran motor atau 'showroom' NWP Access pada pagi ini.
- 2) Tahniah saya ucapkan kepada NWP Access di atas pembukaan bilik pameran ini dan kejayaan mereka dalam bidang automotif yang diceburi. Saya difahamkan selain menawarkan jualan, servis dan jualan alat ganti atau lebih dikenali sebagai 3S iaitu *sales, service dan spare part*, NWP Access turut akan melancarkan perkhidmatan 3S di atas talian.
- 3) Saya percaya perasmian pusat 3S yang terletak di lokasi strategik ini bukan sahaja akan memberikan kemudahan kepada pemilik motosikal, malah menawarkan perkhidmatan terbaik kepada para pelanggan.
- 4) Saya juga dimaklumkan, NWP hari ini menawarkan pembelian 10,000 unit motosikal tanpa wang pendahuluan atau *down payment* menerusi kaedah jualan kredit, yang bertujuan untuk membantu meringankan bebanan pengguna terutama ketika ekonomi negara tidak menentu akibat ancaman pandemik COVID-19 ini.
- 5) Sekali lagi, tahniah saya ucapkan atas keprihatinan NWP ini dan diharap syarikat-syarikat permotoran lain juga dapat menawarkan kemudahan seumpamanya untuk membantu mengurangkan beban pelanggan khususnya yang benar-benar

memerlukan kenderaan ini untuk memulakan perniagaan atau mencari rezeki dan sebagainya.

- 6) Namun, saya juga ingin memberi peringatan kepada peniaga supaya tidak menganiaya pelanggan dengan helah dan penipuan dalam urusan jual beli kenderaan ini. Untuk makluman, di bawah Akta Sewa Beli 1967, peniaga hanya dibenarkan untuk menawarkan kemudahan *zero downpayment* ini bagi pembelian motosikal menerusi kaedah jualan kredit.
- 7) Bagaimanapun, jika jualan dan pembelian motosikal dibuat melalui kaedah Perjanjian Sewa Beli (HPA), maka *zero downpayment* tidak boleh ditawarkan kepada pelanggan. Jika ada syarikat yang menyalahi undang-undang ini maka mereka akan dikenakan tindakan tegas. Saya pasti ramai di kalangan kita yang masih tidak begitu jelas mengenai perkara ini dan saya harap bagi anda yang ingin membeli motosikal, pastikan dahulu jenis pembiayaan yang ditawarkan sama ada menerusi jualan kredit atau HPA, supaya ia tidak akan menyukarkan anda di kemudian hari.

Hadirin yang dihormati sekalian,

- 8) Saya ingin sekali lagi mengucapkan tahniah kepada NWP Access di atas kerjasama dengan empat rakan kongsi strategik. Dimaklumkan bahawa NWP Access akan bekerjasama dengan penyedia khidmat servis penghantaran makanan dan syarikat logistik yang lain, untuk memberi peluang lebih ramai

pelanggan membeli motosikal tanpa bebanan untuk menyediakan wang pendahuluan. Ini satu usaha yang baik dan sejajar dengan inisiatif KPDNHEP yang menggalakkan usahawan untuk lebih kreatif bagi menjana ekonomi negara terutama dalam tempoh pandemik ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,

- 9) Kerajaan Malaysia amat komited untuk menyokong baik pulih ekonomi industri serta negara melalui program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) yang bernilai RM20 bilion, serta suntikan fiskal baharu berjumlah RM11 bilion, yang baru dilancarkan. Di bawah PEMERKASA, Skim Pembiayaan TEKUN Mobilepreneur 3.0 diperluas untuk merangkumi pembiayaan baik pulih atau membeli motosikal baharu dengan had sehingga RM10,000. Bagi melengkapkan inisiatif ini, motosikal pemasangan tempatan dengan kapasiti enjin 150cc dan ke bawah akan diberi pengecualian 100 peratus duti eksais mulai 1 April hingga 31 Disember, 2021. Skim Pembiayaan TEKUN Mobilepreneur 3.0 merupakan kesinambungan Program TEKUN Mobilepreneur 1.0 dan 2.0 yang telah dilaksanakan sejak bulan April 2020 untuk memberi peluang golongan yang hilang punca pendapatan akibat penularan COVID-19.

- 10) Usaha memulihkan ekonomi negara hanya akan dapat dilakukan dengan sempurna menerusi kerjasama berterusan antara kerajaan, komuniti perniagaan dan juga pengguna.
- 11) Justeru, saya menyeru supaya setiap daripada kita memainkan peranan yang sewajarnya supaya langkah pemulihan ekonomi ini berjalan lancar dan memberi manfaat buat semua pihak.

Para hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

- 12) Mutakhir ini juga kita disajikan dengan berita-berita mengenai kes saman terhadap pemilik atau penunggang motosikal yang menggunakan ekzos bising sehingga mengganggu ketenteraman awam.
- 13) Suka saya mengambil kesempatan di sini untuk mengingatkan semua pemilik dan penunggang motosikal supaya tidak melakukan ubah suai pada kenderaan yang boleh mengakibatkan anda dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa. Selain boleh menyebabkan pembaziran wang, ubah suai kenderaan yang melanggar peraturan dan undang-undang ditetapkan boleh menyebabkan anda disaman oleh pihak berkuasa.
- 14) Dalam kita menghadapi cabaran ekonomi norma baharu ini, KPDNHEP juga menggalakkan

penggunaan transaksi digital dan elektronik dalam perjanjian sewa beli dan jualan kredit, yang dapat memudahkan pembeli motosikal atau kenderaan bermotor serta syarikat penjual kenderaan. Langkah ini amat digalakkan ke arah mendidik komuniti peniaga dan masyarakat pengguna ke arah urus niaga digitalisasi.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

15) Saya tidak berhasrat untuk berucap panjang. Cukup dulu sampai di sini. Oleh itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan pembukaan bilik pameran NWP Access di Petaling Jaya ini. Sekali lagi tahniah kepada NWP Access dan semoga terus maju jaya.

Sekian, wabillahitaufiqwalhidayah, Assalamualaikum  
WBTH.